

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR NORAZMIR MD NOR
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
KEJOHANAN DEBAT HAK ASASI MANUSIA 2025**

**21 OGOS 2025 | KHAMIS | 10.00 PAGI
DK500, FAKULTI FARMASI
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN

WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL

ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI

WASOHBIHI AJMAIN

**Yang Mulia Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul
Hamid**

Naib Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

(SUHAKAM) 2025

YBrs. Encik Mohd Azam Juhari

Ketua Bahagian Pengembangan Kesusasteraan
Kanak-kanak Dan Remaja

Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)

YBrs. Tuan Hj. Ahmad Fuad Mat Ali

Pengarah Pusat Media

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Saudara Muhammad Iman Zulkifli

Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar

UiTM Cawangan Selangor, Sesi 2024/2025

Barisan Panel Juri Debat Hak Asasi Manusia 2025

Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM

Cawangan Selangor

Barisan Sekretariat dan Jawatankuasa Pelaksana

Seterusnya, para peserta, tetamu jemputan, mahasiswa dan mahasiswi yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM diHatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini sempena **Majlis Perasmian Penutupan Kejohanan Debat Hak Asasi Manusia 2025**.
3. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)** atas inisiatif utama menganjurkan kejohanan ini, dengan kerjasama

strategik daripada **Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)** dan **Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)**.

4. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih saya tujukan kepada seluruh **jawatankuasa pelaksana termasuk Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Selangor dan UiTM Cawangan Johor**.
5. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua **panel juri, peserta debat, tenaga fasilitator, pensyarah pengiring, para sukarelawan, serta rakan-rakan media** yang telah menjayakan kejohanan ini.
6. Kehadiran tokoh-tokoh akademik, pemimpin pelajar, dan rakan-rakan antarabangsa kita dari **Universitas Slamet Riyadi (UNISRI), Indonesia**, menyerikan lagi suasana majlis ini.

Hadirin dihormati sekalian,

7. Saya difahamkan bahawa kejohanan ini berlangsung dalam dua peringkat, iaitu pusingan awal secara dalam talian yang melibatkan 28 pasukan dari pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa.
8. Daripada jumlah tersebut, 8 pasukan terbaik telah mara ke peringkat akhir fizikal.
9. Penganjuran secara hibrid ini mencerminkan keupayaan mahasiswa menyesuaikan diri dengan tuntutan semasa, sekali gus membuktikan bahawa ilmu dan wacana tidak terbatas oleh sempadan geografi.
10. Saya percaya hak asasi manusia ialah asas keamanan, keadilan dan kesejahteraan sejagat,

yang kini turut merangkumi isu teknologi digital, perubahan iklim dan migrasi global.

11. Justeru, platform seperti kejohanan debat ini penting kerana memberi ruang kepada mahasiswa berfikir kritis, berhujah rasional dan menyuarakan pandangan berhemah.
12. UiTM menyokong penuh usaha yang mengangkat nilai kemanusiaan kerana selaras dengan aspirasi universiti melahirkan graduan berilmu, berintegriti, berdaya saing global dan peka terhadap isu sosial.
13. Saya yakin para peserta bukan sahaja memperoleh pengalaman berdebat, tetapi turut mengasah kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerjasama berpasukan serta keberanian menyuarakan pandangan dalam suasana ilmiah.

14. Nilai-nilai ini penting dalam membentuk generasi mahasiswa yang berperanan sebagai penyampai aspirasi masyarakat serta agen perubahan positif negara.
15. Saya berharap kejohanan ini terus berkembang dan menjadi agenda tahunan yang lebih besar pada masa hadapan, dengan penglibatan lebih ramai pelajar dari dalam dan luar negara.
16. Semoga platform ini menjadi pemangkin kerjasama antara universiti, agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil dan badan antarabangsa dalam memperkukuh kefahaman tentang hak asasi manusia.
17. Kepada para peserta, sama ada membawa pulang trofi atau tidak, yakinlah bahawa pengalaman, persahabatan dan ilmu yang diraih

sepanjang kejohanan ini merupakan kemenangan sebenar.

18. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat. Semoga Kejohanan Debat Hak Asasi Manusia 2025 menjadi titik tolak kepada lebih banyak kolaborasi dan wacana ilmiah yang bermanfaat pada masa hadapan.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**